

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.11.2015

Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat unjuran pendapatan dari segi ekonomi negara selepas pelaksanaan GST dan apakah perancangan Kerajaan dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada pengguna secara berterusan terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan terkini menunjukkan bahawa prestasi ekonomi negara terus berkembang meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Keluaran Dalam Negeri Kasar

(KDNK) mencatat pertumbuhan yang stabil sebanyak 5.3 peratus bagi tempoh separuh pertama tahun 2015 (Januari - Jun 2014: 6.4%) dan diunjur berkembang pada kadar 4.5% - 5.5% pada tahun 2015. Pertumbuhan KDNK bagi tahun 2016 pula dijangka kekal stabil pada kadar 4% - 5%. Dengan unjuran pertumbuhan KDNK ini, hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dianggar pada RM222.5 bilion manakala hasil tahun 2016 diunjur berjumlah RM225.7 bilion. Daripada jumlah hasil keseluruhan tersebut, kutipan hasil bagi cukai barang dan perkhidmatan (GST) dianggar sebanyak RM27 bilion bagi tahun 2015 dan RM39 bilion pada tahun 2016.

2. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan supaya rakyat dapat memahami dengan tepat mengenai tujuan dan matlamat pelaksanaan GST. Kempen-kempen mengenai GST kepada orang awam telah dilaksanakan melalui media cetak (majalah, surat khabar, *handbook*), elektronik (televisyen, radio), *out-of-home (banner)* serta secara online (media sosial, portal). Bagi terus mempromosikan kempen GST, video berbentuk kapsul diedarkan kepada agensi Kerajaan bagi membuat pendedahan secara berterusan. Program seperti Siri Jelajah Kempen GST turut dijalankan di seluruh negeri (Semenanjung Malaysia

termasuk Sabah dan Sarawak) supaya orang awam dapat memperolehi maklumat GST secara telus dan tepat. Di samping itu, program turun padang bertemu rakyat melalui ceramah umum juga dilaksanakan melibatkan agensi seperti JASA, Jabatan Penerangan dan Biro Tata Negara.

3. Kerajaan secara langsung melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga kerjasama dengan NGO serta persatuan-persatuan perniagaan telah banyak melaksanakan program-program latihan dan kesedaran untuk membantu peniaga dan pengguna memahami secara tepat dan mendalam berkenaan GST dan melaksanakan GST dengan lebih berkesan. Pada tahun 2014, sebanyak 1,502 program latihan dan kesedaran telah dijalankan yang melibatkan hampir 300,000 peserta yang terdiri daripada rakyat di seluruh Malaysia, termasuk kawasan luar bandar. Pada tahun ini, sehingga September 2015, sebanyak 314 program telah dilaksanakan dan melibatkan lebih 63,000 peserta. Program-program latihan dan kesedaran akan terus dilaksanakan bagi memastikan penyampaian maklumat yang tepat kepada pengguna tentang mekanisme pelaksanaan GST.

4. Kerajaan akan terus menjalankan program dan kempen mengenai GST melalui pelbagai saluran media dan program turun padang bertemu rakyat melalui ceramah umum supaya rakyat lebih memahami hasrat

Kerajaan untuk melaksanakan GST.